



NEGERI SELANGOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 73
No. 22

22hb Oktober 2020

TAMBAHAN
No. 1

AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960

(Akta 486)

No. 2758.

(Seksyen 4)

NOTIS BAHAWA TANAH BERKEMUNGKINAN AKAN DIAMBIL

Adalah dengan ini diberitahu bahawa tanah-tanah di tempat yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini, termasuk mana-mana tanah, jika ada, yang dinyatakan mengikut nombor lotnya atau mengikut nombor lot tanah-tanah yang bersempadan dengannya, mungkin diperlukan bagi maksud-maksud yang berikut:

Permohonan Pengambilan Tanah di bawah Seksyen 3(1)(a) Akta Pengambilan Tanah 1960 (Akta 486) bagi Tujuan Pembinaan Jalan Dari Kg. Ulu Chuchuh ke KLIA Daerah Sepang Selangor.

2. Selanjutnya adalah diberitahu bahawa mana-mana orang yang diberikuasa oleh Pengarah Negeri bagi maksud itu boleh memasuki mana-mana tanah di tempat itu bagi tujuan memeriksa tanah tersebut dan menjalankan kerja-kerja ukur. Pampasan akan dibayar jika berlaku apa-apa kerosakan pada masa menjalankan kerja sedemikian. Apa-apa pertikaian mengenai amaun pampasan itu hendaklah dirujuk kepada Pentadbir Tanah Sepang di Pejabat Tanah Dan Daerah Sepang, Bangunan Tun Aziz, Bandar Baru Salak Tinggi, 43900 Sepang, Selangor.

JADUAL

Daerah—Sepang. Mukim—Sepang. Perihal Kawasan—3751, 3750, 3585, 3584, 12423, 12424, 39087, 35782, 3910, 43. No. Syit—123-A, B & C, 127-A, C & D, 130 B.

Bertarikh 17 September 2020
[PDS(T) 600-8/10-2]

YUSRI BIN ZAKARIAH
*Pengarah Negeri
Selangor*

No. 2759.

(Seksyen 4)

NOTIS BAHAWA TANAH BERKEMUNGKINAN AKAN DIAMBIL

Adalah dengan ini diberitahu bahawa tanah-tanah di tempat yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini, termasuk mana-mana tanah, jika ada, yang dinyatakan mengikut nombor lotnya atau mengikut nombor lot tanah-tanah yang bersempadan dengannya, mungkin diperlukan bagi maksud-maksud yang berikut:

Permohonan Pengambilan Tanah di bawah Seksyen 3(1)(a) Akta Pengambilan Tanah 1960 (Akta 486) bagi Tujuan Projek Sistem Agihan Labohan Dagang Daerah Kuala Langat Selangor.

2. Selanjutnya adalah diberitahu bahawa mana-mana orang yang diberikuasa oleh Pengarah Negeri bagi maksud itu boleh memasuki mana-mana tanah di tempat itu bagi tujuan memeriksa tanah tersebut dan menjalankan kerja-kerja ukur. Pampasan akan dibayar jika berlaku apa-apa kerosakan pada masa menjalankan kerja sedemikian. Apa-apa pertikaian mengenai amaun pampasan itu hendaklah dirujuk kepada Pentadbir Tanah Kuala Langat di Pejabat Tanah Dan Daerah Kuala Langat, 42700 Banting, Selangor.

JADUAL

Daerah—Kuala Langat.

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Pendudukan	Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan	Keluasan Lot	Anggaran Keluasan yang akan Diambil
	G.M.		Hektar	Hektar
Mukim—Teluk Panglima Garang.				
1754	2967	Rahimah binti Mohd Ayub 1/3 bhg., Hasmah binti Moshudi dan Zainuddin bin Mohd Ayub sebagai Pentadbir 2/3 bhg.	1.2141	0.8094

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Pendudukan	Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan	Keluasan Lot	Anggaran Keluasan yang akan Diambil
	G.M.		Hektar	Hektar
3979	178	Dipsol (M) Sdn. Bhd. 1/1 bhg.	2.0538	0.8094
Mukim—Tanjung Dua Belas.				
19307	2882	Siti Salmiah binti Mahfudz 1/1 bhg.	0.8086	0.4046
19308	2883	Norukiah binti Mahfudz 1/1 bhg.	0.8085	0.5253

Bertarikh 15 September 2020
[PTK.Lgt. F8/682]

YUSRI BIN ZAKARIAH
*Pengarah Negeri
Selangor*

No. 2760.

WANG CAGARAN YANG TIDAK DITUNTUT
(Arahan Perbendaharaan 162)

PEJABAT HUTAN DAERAH HULU SELANGOR

Pada menjalankan kuasa, Pejabat Hutan Daerah Hulu Selangor memberitahu bahawa wang cagaran yang tersebut di dalam Jadual ini telah tidak dituntut selama lebih dua belas (12) bulan dan masih tersimpan dalam akaun Wang Cagaran di Bendahari Negeri Selangor.

Dengan ini, adalah diberitahu jika sekiranya tuntutan tidak dibuat kepada Pejabat Hutan Daerah Hulu Selangor (Unit Hasil), dengan menyertakan resit-resit asal dalam tempoh (3) bulan dari tarikh pemberitahuan ini, maka wang cagaran tersebut akan dipindahkan kepada Hasil Negeri.

JADUAL

(1) Bil.	(2) Kod Akaun Deposit	(3) Nama Pendeposit	(4) No. Resit/Tarikh	(5) No. Penyata Pemungut/ Tarikh	(6) Tarikh Patut Dipulangkan	(7) Amaun (RM)
1.	79503	Yushalyana binti Mohd. Yusup	19 Ogos 2011	EK831214	—	100.00
Jumlah						100.00

ZULKURNAIN BIN ZAKARIA
*Pegawai Hutan
Hulu Selangor*

[PHD.US. 400-11/1/1 (64)]

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA

PNMB